



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Majlis Apresiasi: Sebuah Malam Penuh Magika Meraikan Kecemerlangan Pelajar FPP

Penulis: Norazimah Mejri dan Persatuan D'Bankers



Menutup tirai aktiviti dengan penuh kemilau, Persatuan D'Bankers dengan kerjasama Persatuan D'Bes telah menganjurkan Majlis Apresiasi yang bertempat di Dewan Sri Balau pada 10 Januari 2026. Membawa tema yang menarik, "Sebuah Malam Penuh Magika", majlis ini merupakan antara acara kemuncak yang dinanti-nantikan oleh warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP). Program ini dihadiri oleh para pensyarah, kakitangan serta pelajar fakulti bagi meraikan segala usaha dan pencapaian yang telah diraih sepanjang sesi akademik.

Majlis ini bertujuan memberikan pengiktirafan kepada mahasiswa yang cemerlang dalam akademik serta aktif dalam kepimpinan dan aktiviti persatuan. Dekorasi dewan yang bertemakan elemen magika dan elegan turut mewujudkan suasana yang istimewa, manakala kolaborasi antara D'Bankers dan D'Bes mencerminkan semangat kerjasama yang kukuh dalam kalangan pelajar FPP.



Majlis dimeriahkan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan seni oleh para pelajar, diikuti sesi penyampaian anugerah kepada mahasiswa yang menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi. Selain itu, jamuan makan malam yang disediakan memberi peluang kepada semua hadirin untuk beramah mesra dalam suasana yang harmoni.

Majlis ini bukan sahaja menjadi platform penghargaan kepada mahasiswa, malah turut menyuntik semangat untuk terus mencapai kecemerlangan. Kehadiran para pensyarah mencerminkan hubungan erat antara warga akademik dan pelajar di UiTM Kampus Mukah. Program diakhiri dengan sesi fotografi beramai-ramai, dan diharapkan penganjuran majlis ini dapat terus memupuk semangat kecemerlangan dalam kalangan warga FPP.

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

